

BAHAGIAN B

[30 markah]

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

menunjuk	mengambil	bekerja	memastikan
belajar	memperoleh	pengambilan	kepastian

Encik Lazim _____ sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Manggis. Beliau seorang guru yang tegas tetapi penyayang. Setiap hari, beliau memandu keretanya dengan berhati-hati ketika pergi ke sekolah. Apabila tiba di sekolah, beliau akan _____ murid-murid Tahun 6 Amanah membersihkan kelas mengikut giliran tugas masing-masing. Beliau sentiasa _____ berat pelajaran murid-muridnya. Oleh itu, murid-murid Tahun 6 Amanah sentiasa _____ markah yang cemerlang setiap kali peperiksaan.

[4 markah]

Soalan 22

a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

Jawapan: Alas kaki itu sudah kotor dan berbau busuk.

[2 markah]

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.


Tahniah, beta gembira dengan kejayaan kamu dalam pertandingan debat antarabangsa yang diadakan pada minggu lalu!



Terima kasih, _____

[2 markah]

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

[2 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nama diabetes mungkin agak asing dalam kalangan masyarakat Melayu di negara ini. Hal ini demikian kerana mereka lebih gemar menyebutnya sebagai kencing manis.

Diabetes sering dikaitkan dengan faktor keturunan. Jika salah seorang ibu bapa menghidap diabetes, kemungkinan anaknya mendapat diabetes adalah tinggi. Di samping itu, faktor umur dan pengambilan lemak yang berlebihan juga menjadi penyumbang diabetes.

Sebenarnya, diabetes bukanlah penyakit berjangkit. Diabetes terjadi lantaran kekurangan hormon yang dinamakan insulin dalam tubuh seseorang. Insulin dikeluarkan oleh pankreas untuk mengawal paras glukosa (gula) dalam darah.

Dalam keadaan biasa, insulin membantu glukosa memasuki sel badan untuk menghasilkan tenaga. Bagi pesakit diabetes pula, glukosa tidak dapat diserap oleh sel badan. Glukosa ini terkumpul dalam darah menyebabkan paras glukosa meningkat. Paras glukosa yang tidak terkawal ini menggugat tanpa mengira kaum, pangkat mahupun darjat manusia.

Antara tanda-tanda diabetes ialah sering dahaga dan kerap buang air kecil terutamanya pada waktu malam. Pesakit diabetes juga akan berasa lesu dan berat badannya akan menurun walaupun selera makan bertambah.

Diabetes boleh dikawal dengan beberapa cara. Antaranya, pastikan anda memiliki berat badan yang unggul di samping mengambil pemakanan seimbang. Banyakkan mengambil makanan yang mengandungi serat untuk menyerap kolesterol dalam tubuh. Selain itu, kita hendaklah selalu bersenam. Senaman membantu tubuh menjadi sihat, cergas, dan aktif. Ingatlah bahawa diabetes boleh membawa kesengsaraan dan maut. Justeru, amalkan gaya hidup sihat demi kesejahteraan hidup kita.

a. Diabetes dikenali sebagai _____.

[1 markah]

b. Apakah peranan insulin kepada tubuh badan kita?


[2 markah]

c. Bagaimanakah cara terbaik untuk mengelakkan diri daripada penyakit diabetes?

[2 markah]

Soalan 24

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



a. Jenis puisi di atas ialah_____.

[1 markah]

b. Apakah yang harus kita lakukan setelah berjaya?

[2 markah]

c. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

Jika kita sentiasa tolong-menolong, kerja yang berat akan menjadi senang.	
---	--

Kita boleh membuang masa dengan melepak bersama-sama rakan pada setiap hari.	
--	--

Kita akan berjaya dalam kehidupan jika sentiasa mematuhi nasihat guru-guru.	
---	--

[2 markah]

d. Sebagai seorang murid, apakah yang perlu anda lakukan sepanjang tempoh persekolahan?

i. _____

ii. _____

iii. _____

[3 markah]

Soalan 25

Baca perbualan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- Pemberita : Selamat pagi. Saya Rosman, dari akhbar Sinar Harian. Saya ingin bertanya tentang kebakaran yang berlaku pagi tadi.
- Encik Amir : Boleh, silakan.
- Pemberita : Bilakah kejadian kebakaran ini disedari oleh penduduk kampung?
- Encik Amir : Lebih kurang pada pukul 2.30 pagi. Ketika itu, semua penghuni sedang tidur nyenyak. Saya tersedar apabila terdengar suara Mutusamy, anak jiran saya menjerit, “Api! Api! Api!”
- Pemberita : Apakah punca kebakaran ini, pak cik ?
- Encik Amir : Kebakaran ini berpunca daripada api lilin. Malam tadi, kampung kami bergelap kerana bekalan elektrik terputus pada pukul 12.30 tengah malam. Kira-kira satu setengah jam kemudian, barulah bekalan elektrik pulih. Menurut tuan rumah tersebut, anaknya tertidur tanpa memadam api lilin yang dipasang itu.
- Pemberita : Bagaimanakah keadaan tuan rumah itu, pak cik?
- Encik Amir : Dia tidak mengalami kecederaan. Hanya badan anaknya sahaja yang melecur kerana api telah membakar kertas dan menyambar baju tidurnya sewaktu dia cuba keluar dari biliknya.
- Pemberita : Bagaimanakah dengan harta benda tuan rumah itu?
- Encik Amir : Harta benda tuan rumah itu tidak dapat diselamatkan kerana api merebak terlalu cepat. Tambahan pula rumah di sini semuanya rumah papan. Dalam masa beberapa minit sahaja seluruh rumah itu hangus dijilat api.
- Pemberita : Di manakah mereka ditempatkan untuk sementara ini, pak cik?
- Encik Amir : Mereka menumpang di rumah saudara mereka yang kebetulan duduk berhampiran.
- Pemberita : Baiklah, pak cik. Terima kasih kerana sudi ditemu bual.
- Encik Amir : Sama-sama

a. Encik Amir ialah _____ mangsa kebakaran.

[1 markah]

b. Mengapakah temu ramah itu diadakan ?

[2 markah]

c. Bekalan elektrik di kampung itu pulih pada pukul_____.

[1 markah]

d. Apakah yang menyebabkan kebakaran dan mengapakah api merebak dengan cepat ketika kebakaran itu berlaku?

[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT